

Proton e.MAS 5 Curi Tumpuan di Perbarisan Merdeka, EV Mampu Milik Pertama Khas untuk Rakyat Malaysia

e.MAS 5 tampil sebagai tumpuan utama, melambangkan masa depan mobiliti lestari yang mampu dimiliki semua

PUTRAJAYA, 31 Ogos 2025 – Perjalanan Malaysia menuju mobiliti yang lebih pintar dan mesra alam mencatat detik bersejarah hari ini apabila Proton e.MAS 5 buat pertama kali dipertontonkan kepada orang ramai di Perbarisan Hari Kebangsaan di Putrajaya.

Sebagai EV mampu milik pertama untuk rakyat Malaysia, e.MAS 5 mencerminkan komitmen Proton untuk membawa dunia elektrifikasi ke setiap rakyat. Kemunculan sulungnya turut disertai konvoi 12 unit e.MAS 7 yang dipandu sendiri oleh pemiliknya, tanda sokongan rakyat yang semakin berkembang terhadap penerimaan EV di negara ini.

Kemunculan Kenderaan Nasional yang Penuh Bermakna

Dibalut dengan corak pelekat pembalut kereta unik yang diinspirasikan daripada semangat, keberanian dan kemajuan Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957, e.MAS 5 mengetahui perbarisan sebagai lambang perpaduan dan langkah ke hadapan. Dijadualkan dilancarkan pada suku keempat 2025, ia bakal menjadi model kedua di bawah jenama Proton e.MAS yang diperkenalkan pada 2023 sebagai bukti komitmen Proton terhadap inovasi dan mobiliti lestari.

Proton e.MAS 5, EV Mampu Milik Pertama Malaysia

Proton e.MAS 5 direka untuk rakyat Malaysia, menggabungkan harga mampu milik dengan kegunaan praktikal supaya lebih ramai boleh merasai kenderaan EV. Walaupun bersaiz kompak dalam segmen-B hatchback, ruang dalamnya luas seperti kereta segmen-C, memastikan keluarga, rakan-rakan dan penumpang sentiasa selesa sepanjang perjalanan.

Praktikaliti juga menjadi keistimewaan e.MAS 5. Dengan 32 ruang simpanan yang luas serta bonet di bahagian hadapan berkapasiti 70 liter, terbesar dalam kelasnya, kereta ini dibina untuk memenuhi keperluan harian pemandu Malaysia, sama ada untuk membeli-belah mahupun percutian hujung minggu.

e.MAS 5 juga direka khas untuk gaya hidup bandar. Dengan kawalan pemanduan yang lincah, ia mudah diparkir di ruangan sempit, menyusuri jalan-jalan kecil, dan bergerak lancar dalam kesibukan trafik. Pada masa yang sama, ia tetap kukuh untuk memberikan pemanduan selesa di jalan Malaysia yang mencabar.

Aspek keselamatan turut diberi keutamaan dengan sistem bantuan pemandu canggih yang berfungsi seperti kamera tambahan di jalan raya. Ciri-ciri ini memberi ketenangan fikiran kepada pemandu dan penumpang, menjadikan e.MAS 5 pilihan yang boleh dipercayai untuk perjalanan seharian.

Sama ada golongan eksekutif muda yang berulang-alik ke tempat kerja, ibu bapa baharu yang menguruskan kehidupan berkeluarga, atau Warga Emas yang mencari keselesaan dan keyakinan ketika memandu, e.MAS 5 menawarkan ciri pemanduan yang lebih pintar, hijau dan praktikal untuk semua.

Menjulung Kebanggaan dan Kemajuan Negara

Orang ramai bersorak sambil merakam detik e.MAS 5 muncul di Perbarisan Merdeka, menyerlah sebagai simbol keyakinan, ketahanan dan inovasi Malaysia. Bersama-sama dengannya, e.MAS 7 yang kini menjadi EV nombor satu negara membuktikan bahawa rakyat semakin bersedia untuk melangkah ke arah masa depan mobiliti elektrik.

“Proton e.MAS 5 bukan hanya sekadar sebuah kereta baharu, tetapi sebuah janji bahawa kereta ini sememangnya untuk rakyat Malaysia. e.MAS 7 sudah membuktikan kepada negara sudah bersedia menuju mobiliti hijau, dan kini e.MAS 5 akan menjadikannya lebih dekat serta mudah dimiliki. Melihat kedua-dua model ini diraikan di Perbarisan Merdeka adalah satu detik membanggakan, bukan sahaja untuk Proton dan PRO-NET, tetapi juga untuk seluruh Malaysia,” ujar Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Bersama Melangkah ke Masa Hadapan

e.MAS 5 kini dalam Jelajah e.MAS Tour MISI 5, mempamerkan sebuah hatchback EV kepada rakyat di seluruh negara dengan pratonton eksklusif sebelum pelancaran rasminya. Kemunculannya di Perbarisan Hari Kebangsaan pula menjadi saat bersejarah, apabila rakyat akhirnya dapat melihat sendiri model ini, menghidupkan rasa bangga dan harapan baharu untuk masa depan mobiliti Malaysia.

Saat Jalur Gemilang berkibaran di Dataran Putrajaya, Proton e.MAS 5 tampil sebagai lambang kebanggaan dan kemajuan negara, sebuah kereta yang direka untuk rakyat, dibina untuk negara, dan memacu Malaysia menuju masa depan elektrik.

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional pertama Malaysia dan kenderaan tenaga baharu, merupakan sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV dan membangunkan ekosistemnya, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan semangat inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh serta ekosistem yang kukuh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, seiring dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk **INSPIRING CONNECTIONS** dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian bertaraf antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer



Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global